

---

**Lampiran A**

**ATT UNIVERSALIZATION TOOLKIT**

---

---

**Lampiran A**

**ATT UNIVERSALIZATION TOOLKIT**

---

**LAMPIRAN A**  
**ATT UNIVERSALIZATION TOOLKIT**

1. Untuk siapakah <i>toolkit</i> ini dirancang? .....	3
2. Apakah itu ATT? .....	3
2.1 Kenapa Perjanjian tersebut diterima pakai? .....	3
2.2 Penerimaan dan penguatkuasaan .....	4
2.3 Berapa banyak negara yang menyertai ATT? .....	4
3. Mengapakah pensemajagan ATT itu penting? .....	4
4. Apakah faedahnya menyertai Perjanjian ini? .....	5
4.1 Ketelusan .....	5
4.2 Keamanan dan Keselamatan .....	6
4.2.1 KESELAMATAN MANUSIA .....	6
4.2.2 KESELAMATAN NEGARA .....	6
4.2.3 KESELAMATAN SERANTAU .....	7
4.3 Hak Asasi Manusia .....	7
4.4 Pembangunan mampan .....	7
4.5 Mengawal selia Perdagangan dan Meningkatkan Piawaian Perdagangan ..	8
4.6 Sinergi dengan instrumen lain .....	8
5. Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi Negara dalam menyertai Perjanjian? .....	8
6. Soalan yang kerap ditanya .....	9
6.1 Apakah perbezaan yang dilakukan perjanjian dalam perdagangan senjata global? .....	9
6.2 Bagaimana dengan negara-negara yang belum menyertai Perjanjian?.....	9
6.3 Apakah skop Perjanjian? .....	10

6.3.1 Apakah jenis senjata yang dilindungi oleh ATT?.....	10
6.3.2 Apakah jenis pemindahan yang dilindungi oleh ATT?.....	10
6.4 Bagaimana kita boleh yakin bahawa Negara-negara Anggota menghormati komitmen mereka?.....	11
6.5 Apakah Perjanjian menghalang Negara daripada mengimport senjata?.....	11
6.6 Apakah peranan yang dimainkan oleh Pertubuhan Masyarakat Sivil dalam pelaksanaan perjanjian? .....	12

## **1. Untuk siapakah toolkit ini dirancang?**

*Universalization Toolkit* ini telah dihasilkan oleh Kumpulan Kerja Pensejagatan Perjanjian. *Toolkit* ini ialah dokumen hidup yang dirancang untuk membantu mereka yang ingin mempromosikan pensejagatan ATT - Negara, pemegang jawatan ATT, masyarakat civil dan lain-lain. *Toolkit* ini adalah berdasarkan keputusan dan cadangan CSP4 serta maklumat dan pengalaman yang dikongsi oleh Negara Anggota semasa perbincangan dan pertukaran pendapat antara Negara-Negara Anggota dalam mesyuarat Kumpulan Kerja ATT.

## **2. Apakah itu ATT?**

Perjanjian Perdagangan Senjata (ATT) ialah perjanjian antarabangsa yang mengawal selia perdagangan antarabangsa dalam senjata konvensional dengan menetapkan piawaian antarabangsa tertinggi bagi mengatur pemindahan senjata. Ianya bertujuan untuk mencegah, dan membasi perdagangan haram dan penyelewengan senjata konvensional.

Objektif Perjanjian sebagaimana yang digariskan dalam Perkara 1 adalah untuk:

- Mewujudkan piawaian antarabangsa yang paling tinggi untuk mengatur atau memperbaiki peraturan perdagangan antarabangsa dalam senjata konvensional;
- Mencegah dan membasi perdagangan haram dalam senjata konvensional serta menghalang penyelewengannya;

untuk tujuan:

- Menyumbang kepada keamanan, keselamatan, dan kestabilan antarabangsa dan serantau;
- Mengurangkan penderitaan manusia;
- Menggalakkan kerjasama, ketelusan dan tindakan yang bertanggungjawab oleh Negara-negara Anggota dalam perdagangan senjata konvensional antarabangsa untuk membina keyakinan di kalangan Negara Anggota.

"Ini menandakan pembukaan satu bab baharu dalam usaha kolektif kami untuk membawa tanggungjawab, akauntabiliti dan ketelusan kepada perdagangan senjata global." - Ban Ki Moon<sup>1</sup>

ATT menyumbang kepada keamanan, keselamatan dan kestabilan antarabangsa dan serantau, mengurangkan penderitaan manusia, dan mempromosikan kerjasama, ketelusan dan tindakan yang bertanggungjawab.

### **2.1 Kenapa Perjanjian tersebut diterima pakai?**

ATT diterima pakai kerana negara-negara anggota PBB menyedari bahawa

'ketiadaan piawaian antarabangsa yang sama mengenai import, eksport dan

<sup>1</sup> Kenyataan oleh Setiausaha Agung mengenai penguatkuasaan Perjanjian Perdagangan Senjata pada 23 Disember 2014. <<https://www.un.org/sg/en/content/sg/statement/2014-12-23/statement-secretary-general-entry-force-arms-trade-treaty>>

pemindahan senjata konvensional ialah faktor penyumbang kepada konflik, pemindahan orang, jenayah dan keganasan, dengan itu menjadikan keamanan, penyelarasan, keselamatan, sekuriti, kestabilan dan pembangunan mampan' (para 9 resolusi 61/89 ke arah perjanjian perdagangan senjata: menetapkan piawaian antarabangsa yang sama untuk import, eksport dan pemindahan senjata konvensional).<sup>2</sup>

## **2.2 Penerimaan dan penguatkuasaan**

Perjanjian ini diterima pakai oleh Resolusi Perhimpunan Agung PBB pada 02 April 2013 dan mula berkuat kuasa pada 24 Disember 2014, menjadi perjanjian global pertama yang sah di sisi undang-undang, bagi mengawal selia pemindahan senjata konvensional.

## **2.3 Berapa banyak negara yang menyertai ATT?**

Pada peringkat ini, lebih daripada 100 negara telah menjadi Negara Anggota Perjanjian dan yang lain sudah menandatangani Perjanjian tetapi belum diratifikasi.

Maklumat terkini tentang status penyertaan dalam ATT, termasuk gambaran serantau, boleh didapati di laman web ATT di: <https://www.thearmstradetreaty.org/treaty-status.html?templateId=209883>.

## **3. Mengapakah pensejagatan ATT itu penting?**

Perkara 17 (4) daripada Perjanjian menggariskan apa yang mesti dipertimbangkan oleh Persidangan Negara-Negara Anggota pada sesi formalnya. Perkara 17 (4) (b) secara khususnya memperuntukkan bahawa Persidangan Negara-Negara Anggota hendaklah "mempertimbangkan dan menerima pakai cadangan-cadangan mengenai pelaksanaan dan pengendalian Perjanjian ini, khususnya tentang promosi kesejagatannya". Perjanjian itu, melalui teksnya, seperti yang dipetik, mengenal pasti promosi kesejagatannya Perjanjian sebagai elemen penting yang patut dipertimbangkan oleh Persidangan Negara-Negara Anggota. Malah, pensejagatan Perjanjian ini adalah begitu utama sehingga CSP3 menubuhkan Kumpulan Kerja Pensejagatan Perjanjian (WGTU), yang diamanahkan untuk menggalakkan pensejagatan Perjanjian dan untuk 'membangunkan aktiviti dan sasaran tertentu bagi merealisasikan objektif penejagatan Perjanjian'.

'Penejagatan' Perjanjian ini melibatkan usaha memperluas keanggotaan Perjanjian untuk memastikan terdapat sebanyak mungkin Negara Anggota. Walaupun gagasan penejagatan ini tidak ditakrifkan dalam teks Perjanjian, ia boleh dioperasikan untuk bermaksud memperluaskan bidang kuasa Perjanjian. Penting sekali untuk mendapatkan sebanyak mungkin penyertaan negara-negara baharu dalam ATT. Ini kerana sistem pengawalseliaan antarabangsa hanya berfungsi jika negara-negara penyumbang mencukupi. Tidak begitu bererti jika hanya beberapa pengeksport yang

---

<sup>2</sup> Resolusi PBB yang diterima pakai oleh Perhimpunan Agung pada 18 Disember 2006, A/RES/61/89, Sesi enam puluh satu, Agenda perkara 90 <[http://www.un.org/en/ga/search/view\\_doc.asp?symbol=A/RES/61/89&Lang=E](http://www.un.org/en/ga/search/view_doc.asp?symbol=A/RES/61/89&Lang=E)>

teliti menilai risiko yang terlibat dalam pemindahan senjata; walhal senjata haram masih boleh diperolehi tanpa kawalan.

Secara praktiknya, hanya ada sebilangan kecil perjanjian atau konvensyen yang dianggotai semua negara. Jadi berapa banyak atau apakah jenis Negara yang kita perlukan untuk mencapai 'pensejagatan' dalam konteks ATT? Pada bulan Jun 2018, Sekretariat ATT menganalisis jumlah daripada 50 pengeksport dan pengimport utama senjata adalah sebahagian daripada Perjanjian. Penemuannya mendapati bahawa kebanyakan pengeksport utama telah menyertai Perjanjian - 73% daripada pengeksport utama dunia, meliputi 71% daripada pengeksportan senjata adalah sama ada Negara Anggota atau Penandatangan. Hanya 53% daripada pengimport utama adalah merangkumi 36% daripada pengimportan senjata ialah Negara Anggota atau Penandatangan. Masih ada usaha yang perlu dilakukan kearah pensejagatan.

Titik kritisnya mungkin apabila terdapat Negara yang mencukupi menjadi sebahagian daripada Perjanjian dan melaksanakan Perjanjian sehingga muncul satu norma pematuhan kepada prinsip Perjanjian - bahkan oleh Negara bukan anggota. Pensejagatan barangkali bukan persoalan bilangan mutlaknya Negara tetapi lebih kepada persoalan tingkah laku Negara.

#### **4. Apakah faedahnya menyertai perjanjian?**

Objek ATT, seperti yang dinyatakan dalam Perkara 1 (dan seksyen 1 dokumen ini) melibatkan kesan positif, yang dinyatakan dalam tujuan Perjanjian. Menyertai Perjanjian ini bererti menjadi sebahagian daripada komuniti global yang melaksanakan peruntukan ATT; sebuah komuniti Negara Anggota yang mengendalikan perdagangan antarabangsa yang dikawal selia dengan baik dalam senjata konvensional, bagi tujuan yang dinyatakan dalam Perkara 1.

##### **4.1 Ketelusan**

ATT mempromosikan ketelusan melalui laporan awal tentang pelaksanaan dan laporan tahunan mengenai pemindahan, serta pertukaran maklumat secara sukarela.

ATT memberi Negara-Negara Anggota peluang untuk membuka saluran komunikasi yang telus di peringkat dua hala dan pelbagai hala. Ini membantu:

- mengenal pasti isu-isu kepentingan bersama;
- membina keyakinan;
- bekerjasama dalam mengukuhkan piawaian perdagangan;
- memudahkan penilaian pematuhan perjanjian;
- mengenal pasti trend dalam pemindahan senjata;
- menawarkan wawasan bagaimana Negara-Negara Anggota melaksanakan Perjanjian dan mengenal pasti amalan terbaik;
- memudahkan kerjasama antarabangsa; dan
- membantu menghubungkan negara yang berbekalan dengan mereka yang memerlukan bantuan.

Pada masa yang sama, semua negara mempunyai keimbangan terhadap keselamatan negara. ATT mengambil kira hal ini dengan membenarkan Negara-Negara Anggota untuk tidak memasukkan maklumat keselamatan negara atau

maklumat komersial yang sensitif ke dalam laporan tahunan dan/ atau membuat laporan mereka hanya dapat diperoleh Negara-Negara Anggota yang lain sahaja, bukan kepada orang awam secara umumnya.

## **4.2 Keamanan dan Keselamatan**

### **4.2.1 KESELAMATAN MANUSIA**

Seperti yang diiktiraf dalam mukadimah kepada ATT, perdagangan haram senjata konvensional yang tidak terkawal akan memberi kesan keselamatan, sosial, ekonomi dan kemanusiaan.

Ketersediaan senjata dan penyalahgunaannya mempunyai kesan langsung dan tidak langsung terhadap keselamatan manusia dalam kedua-dua persekitaran, konflik dan tidak konflik. Bukan sahaja hal tersebut menyebabkan kehilangan nyawa dan kecederaan, tetapi juga boleh membawa kepada perpindahan orang awam secara terpaksa; akses terhad kepada perkhidmatan kesihatan, pendidikan dan keselamatan makanan, kesan psikologi dan ekonomi kepada mangsa dan keluarga mereka.

Pengumpulan dan peredaran senjata dan amunisi haram boleh memanjangkan konflik bersenjata dan mengancam orang awam dengan lebih lama sehingga ke zaman pasca konflik.

ATT boleh menyumbang kepada keselamatan manusia. Perkara 6 (3) menghalang Negara-Negara Anggota daripada membenarkan sebarang pemindahan senjata konvensional,

"Jika ia mempunyai pengetahuan pada masa pemberian kebenaran bahawa senjata atau barang-barang itu akan digunakan dalam pembunuhan genosid, kejahatan terhadap kemanusiaan, pelanggaran berat Konvensyen Geneva 1949, serangan yang ditujukan terhadap benda-benda awam atau orang awam yang dilindungi seperti itu, atau jenayah perang yang lain seperti yang ditakrifkan oleh perjanjian antarabangsa di mana ia merupakan satu anggota."

### **4.2.2 KESELAMATAN NEGARA**

Perjanjian ini mempunyai peranan untuk memastikan bahawa senjata yang ada tetap berada dalam pemilikan pengguna terakhir yang bertanggungjawab untuk mengurangkan bekalan senjata kepada organisasi jenayah.

Kehadiran senjata haram boleh menjadi cabaran kepada sektor keselamatan negara, keupayaan pasukan bersenjata dan anggota penguatkuasa undang-undang untuk menyediakan keselamatan domestik yang berkesan.

Pematuhan perjanjian dapat membantu mengenal pasti jurang dalam sistem negara yang sedia ada - membolehkan Negara-Negara Anggota untuk menjalankan analisis jurang, mencari bantuan kewangan dan teknikal, jika diperlukan, untuk membantu menutup sebarang jurang serta memastikan sistem kawalan senjata negara mereka teguh dan komprehensif.

Perjanjian ini juga menyatakan dengan jelas bahawa ia tidak terpakai kepada gerakan senjata antarabangsa oleh Negara Anggota atau bagi pihaknya untuk kegunaannya sendiri dengan syarat senjata itu tetap berada di bawah pemilikan Negara Anggota. Oleh itu, pemindahan peralatan kepada tentera yang ditempatkan tidak menjadi 'pemindahan' di bawah Perjanjian ini dan tidak memerlukan penilaian risiko, dengan syarat senjata itu tidak dipindahkan semula (atau ditinggalkan) setelah misi yang dimaksudkan.

#### **4.2.3 KESELAMATAN SERANTAU**

ATT dapat menyumbang kepada pencegahan aliran senjata dan amunisi haram merentas sempadan, yang seterusnya mengurangkan kesan penyahstabilan senjata konvensional yang mungkin ada pada keselamatan serantau.

Perjanjian ini juga menggalakkan kerjasama, ketelusan dan tindakan bersama yang bertanggungjawab, dan menyediakan rangka kerja bagi memperkuat rangka kerja serantau yang sedia ada untuk memerangi penyelewengan dan perdagangan haram.

#### **4.3 Hak Asasi Manusia**

Dengan kemasukan Perkara 6 dan 7, Negara-Negara Anggota ATT dikehendaki meletakkan undang-undang hak asasi manusia antarabangsa dan undang-undang kemanusiaan antarabangsa sebagai tumpuan keputusan pemindahan senjata mereka. Di bawah Perkara 7, Negara-Negara Anggota mesti mengenakan kriteria penilaian risiko sebelum membenarkan sebarang pemindahan, sekurang-kurangnya, senjata konvensional, amunisi, atau bahagian dan komponen yang dilindungi di bawah Perkara 2 (1), 3, dan 4 daripada Perjanjian, dan tidak membenarkan eksport yang dicadangkan jika ada "risiko utama", iaitu senjata yang dieksport boleh digunakan untuk melakukan atau memudahkan pelanggaran undang-undang hak asasi manusia antarabangsa atau undang-undang kemanusiaan antarabangsa yang serius.

ATT memperkuatkan undang-undang hak asasi manusia antarabangsa dan meningkatkannya dengan membawanya ke dalam proses penilaian risiko, membantu memastikan piawaian hak asasi antarabangsa dihormati, dilaksanakan dan dikuatkuasakan dalam perdagangan senjata konvensional.

Perjanjian ini juga memberi penekanan kepada kesan negatif iaitu konflik dan keganasan bersenjata kepada wanita dan kanak-kanak, dan dengan jelas menonjolkan isu keganasan berdasarkan jantina dalam kriteria penilaian risiko (Lihat Perkara 7 (4)).

#### **4.4 Pembangunan mampan**

ATT boleh memainkan peranan dalam pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goal*, SDG) 16.3 (dengan 'ketara mengurangkan aliran kewangan dan senjata haram' menjelang 2030); SDG 5.2 (untuk menghapuskan semua bentuk keganasan terhadap golongan wanita dan kanak-kanak perempuan); dan SDG 11 (bertujuan untuk menjadikan bandar selamat, inklusif, berdaya tahan dan mampan). Pertimbangan tentang bagaimana pelaksanaan ATT dapat membantu menyokong dan meningkatkan pelaksanaan

SDG ialah isu rentas sektor yang ditugaskan kepada semua Kumpulan Kerja ATT untuk dimasukkan ke dalam perbincangan mereka.

Peruntukan Perjanjian mengenai ketelusan, penyimpanan rekod dan pelaporan, perkongsian maklumat, dan bantuan antarabangsa juga akan menyumbang kepada Target 16.a SDG, yang bertujuan untuk "memperkuatkan institusi negara yang relevan, termasuk melalui kerjasama antarabangsa. Ianya untuk membina kapasiti di semua peringkat, khususnya di negara-negara membangun, bagi mencegah kekerasan, memerangi keganasan dan jenayah."

#### **4.5 Mengawal selia Perdagangan dan Meningkatkan Piawaian Perdagangan**

ATT berusaha untuk mewujudkan piawaian global dan memastikan semua pemindahan tertakluk kepada kriteria penilaian risiko yang sama. Dalam mewujudkan piawaian perdagangan antarabangsa dan rangka kerja pematuhan, ATT membantu mewujudkan padang permainan yang sama rata dalam perdagangan senjata.

Para anggota industri telah menyatakan sokongan kepada ATT atas sebab ini. Mereka melihatnya sebagai satu cara yang berpotensi untuk memastikan bahawa pengeluar dan pengeksport baharu, dan yang baru muncul akan tertakluk kepada piawaian pengawalseliaan yang sama seperti yang dikenakan kepada banyak negara pengeksport lama dan yang sedia ada.

Syarikat-syarikat semakin sedar imej mereka di mata umum dan mengambil pendekatan yang lebih berpusatkan keselamatan manusia dalam urusan mereka; ATT menawarkan peluang untuk meningkatkan hal ini.

#### **4.6 Sinergi dengan instrumen lain**

ATT menyokong dan melengkapkan instrumen lain bagi kawalan senjata serantau dan antarabangsa, seperti Program Tindakan PBB pada Senjata Kecil dan Protokol Senjata Api.

### **5. Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh negara dalam menyertai Perjanjian?**

Berikut ialah senarai cabaran yang tidak menyeluruh kepada pensejagat Perjanjian yang dikenal pasti oleh Pengurus Bersama Kumpulan Kerja tentang Perjanjian Pensejagat (WGTU) dan dilampirkan kepada Rancangan Kerja untuk Mesyuarat Persediaan CSP4 (lihat Lampiran A, ATT/CSP4.WGTU/2018/CHAIR/249/M1. WorkPlan):

1. Meningkatkan kesedaran politik ke arah ratifikasi.
2. Meletakkan ATT antara senarai keutamaan kerajaan atau parlimen.
3. Mendapatkan pemahaman tentang ATT, atau mengurangkan keraguan terhadapnya.
  - 3.1 Kesalahfahaman mengenai objektif dan tujuan Perjanjian.
  - 3.2 Keraguan, khususnya, oleh kementerian-kementerian yang berkaitan.
4. Keadaan domestik, sama ada politik atau keselamatan.
  - 4.1 Pilihan raya umum.
  - 4.2 Lobi senapang
  - 4.3 Konflik, dsb.

5. Keadaan keselamatan serantau.
6. Mempercepatkan kelajuan prosedur domestik untuk diratifikasi.
  - 6.1 Ia mengambil masa untuk kerajaan menilai implikasi obligasi Perjanjian pada sistem/undang-undang domestik yang sedia ada.
  - 6.2 Menyediakan undang-undang domestik yang diperlukan pada masa yang tepat.
  - 6.3 Kerjasama yang baik antara kementerian atau antara kerajaan dengan parlimen.
  - 6.4 Giliran pegawai kerajaan tidak kondusif.
7. Membina kapasiti.
  - 7.1 Sumber manusia atau kepakaran (untuk melaksanakan Perjanjian).
  - 7.2 Sumber kewangan (untuk memenuhi obligasi kewangan).
8. Melaporkan tanggungjawab.
  - 8.1 Ragu-ragu dalam langkah ketelusan secara umum. Pelaporan terlalu terperinci.
  - 8.2 Item yang hendak dilaporkan adalah sensitif terhadap keselamatan negara.
  - 8.3 Keletihan membuat laporan.
9. Menunggu pihak lain untuk meratifikasi (negara jiran, pengeksport dan pengimport utama, dll.).
10. Mengatasi pandangan yang berbeza mengenai hasil perundingan ATT, termasuk teks.
  - 10.1 Penerimaan Perjanjian dengan mengundi.
  - 10.2 Kewujudan atau ketidakwujudan tanggungjawab tertentu dalam Perjanjian.

## **6. Soalan yang kerap ditanya**

### **6.1 Apakah perbezaan yang dilakukan Perjanjian dalam perdagangan senjata global?**

'Negara-negara Anggota semakin membuat rujukan kepada ATT dalam komunikasi umum mereka mengenai keputusan pemindahan senjata. Begitu juga, masyarakat sivil dan media semakin meminta Negara-Negara Anggota untuk mempertimbangkan keputusan pemindahan berdasarkan peruntukan ATT. ATT menjadi sebahagian daripada retorik - dan sesungguhnya penanda aras - semasa perbincangan mengenai sama ada pemindahan senjata tertentu "bertanggungjawab" atau tidak. Walaupun terlalu awal untuk menilai kesan praktikal ATT sepenuhnya, ada bukti yang jelas untuk menunjukkan bahawa sesetengah Negara Anggota menyekat eksport berdasarkan kriteria ATT, dan yang lain menghadapi tekanan politik yang serius untuk melakukannya.

### **6.2 Bagaimana dengan negara-negara yang belum menyertai Perjanjian?**

ATT ialah Perjanjian yang agak baru. Namun demikian, hanya dalam tempoh lebih daripada empat (4) tahun sejak dikuatkuasakan, ATT sudah memiliki lebih daripada 100 Negara Anggota, dan memiliki salah satu kadar ratifikasi/ penyertaan tercepat daripada sebarang Perjanjian perlucutan senjata.

Ada sejumlah negara yang telah menandatangani Perjanjian, menunjukkan komitmen mereka untuk menyertai Perjanjian dan mewajibkannya untuk menahan diri, dengan iktikad baik, daripada mengambil tindakan yang akan menggagalkan objek dan tujuan Perjanjian (Perkara 10 dan 18, Konvensyen Vienna mengenai Undang-Undang Perjanjian 1969).

Ada sejumlah negara lain yang belum menyertai Perjanjian telah menyatakan keinginan mereka untuk menjadi Negara Anggota dan sedang dalam proses bersetuju untuk menyertai Perjanjian tersebut. Menandatangani Perjanjian bukan lagi suatu pilihan setelah berkuatkuasanya Perjanjian pada bulan Disember 2014.

Ketika Perjanjian ini telah mengumpulkan momentumnya dan sejumlah negara yang mencukupi menjadi Negara Anggota untuk melaksanakan peruntukan Perjanjian. Bahkan negara-negara yang bukan Anggota Perjanjian mungkin berasa tertekan untuk mematuhi prinsip-prinsipnya kerana Perjanjian tersebut menetapkan piawaian global untuk pemindahan senjata yang 'bertanggungjawab'.

### **6.3 Apakah skop Perjanjian?**

ATT mengawal selia jenis pemindahan tertentu bagi kategori senjata tertentu.

#### **6.3.1 Apakah jenis senjata yang dilindungi oleh ATT?**

ATT mengawal selia perdagangan antarabangsa dalam kategori senjata konvensional yang berikut (lihat Perkara 2 (1)):

- 1) Tangki perang;
- 2) Kenderaan tempur berperisai;
- 3) Sistem artileri berkaliber besar;
- 4) Pesawat tempur;
- 5) Helikopter penyerang;
- 6) Kapal perang;
- 7) Peluru berpandu dan pelancar peluru; dan
- 8) Senjata kecil dan senjata ringan.

ATT juga terpakai untuk eksport amunisi/ peluru yang digunakan, dilancarkan atau dihantar melalui senjata konvensional yang disenaraikan di atas, serta bahagian dan komponennya di mana pengeksportannya berada dalam bentuk yang dapat memberikan kemampuan kepadaanya untuk memasang senjata konvensional yang disenaraikan di atas (lihat Perkara 3 dan 4).

#### **6.3.2 Apakah jenis pemindahan yang dilindungi oleh ATT?**

ATT mengawal selia jenis transaksi yang berikut (lihat Perkara 2 (2)):

- eksport;
- import;
- transit dan trans-penghantaran; dan
- pembrokeran.

Perjanjian ini tidak terpakai kepada pergerakan antarabangsa senjata konvensional oleh, atau bagi pihak, sesebuah Negara Anggota demi kegunaannya sendiri dengan syarat senjata konvensional tetap berada di bawah kepemilikan Negara Anggota tersebut (lihat Perkara 2 (3)).

Di samping itu, ATT mengakui 'kepentingan sah negara untuk memperoleh senjata konvensional bagi menjalankan hak mereka untuk mempertahankan diri dan untuk operasi menjaga keamanan' (perenggan 7, Prinsip ATT).

#### **6.4 Bagaimana kita dapat memastikan bahawa Negara-Negara Anggota menghormati komitmen mereka?**

Keperluan membuat laporan di bawah ATT membantu untuk menjelaki pelaksanaan komitmen negara di bawah Perjanjian. Setiap Negara Anggota diminta untuk menyerahkan Laporan Awal mengenai upaya pelaksanaannya dalam tahun pertama menjadi Negara Anggota, dan untuk mengemaskini Laporan Awalnya secara *ad hoc* ketika langkah-langkah pelaksanaan baharu diambil.

Di samping itu, Sekretariat ATT menyimpan rekod kepatuhan Negara-Negara Anggota terhadap komitmen Perjanjian tertentu, termasuk: pembayaran sumbangan kewangan; penyampaian maklumat mengenai senarai kawalan negara (Perkara 5); pihak berkuasa kecekapan negara (Perkara 5); pusat hubungan negara (Perkara 5); dan penyerahan Laporan Awal dan Tahunan (Perkara 13). Maklumat ini disediakan di laman web ATT, walaupun sesetengahnya hanya boleh diperoleh Negara-Negara Anggota.

Masyarakat civil juga berperanan dalam memantau pelaksanaan komitmen Perjanjian oleh Negara-Negara Anggota. Media juga semakin mempertanyakan keputusan perpindahan Negara-Negara Anggota berdasarkan komitmen ATT mereka.

ATT tidak termasuk mekanisme tinjauan formal untuk memantau prestasi setiap negara dan mempromosikan kepatuhan (seperti tinjauan rakan sebaya, tinjauan pakar atau badan pengawasan).

#### **6.5 Apakah Perjanjian menghalang negara mengimport senjata?**

Perkara 6 ATT melarang pemindahan (termasuk import) senjata konvensional, amunisi/ peluru dan bahagian serta komponennya jika pemindahan tersebut melanggar kewajipan antarabangsa yang ditentukan, atau jika Negara Anggota memiliki pengetahuan bahawa senjata yang dipindahkan akan digunakan untuk melakukan genosid, jenayah terhadap kemanusiaan atau jenayah perang. Oleh itu, Perjanjian ini mencegah (atau melarang) Negara-Negara Anggota mengimport senjata dalam keadaan tertentu (dan perjanjian ini mencegah atau melarang Negara Anggota mengeksport ke sesuatu Negara dalam keadaan tertentu).

Jika cadangan import / pemindahan senjata konvensional, amunisi atau bahagian dan komponennya tidak dilarang di bawah Perkara 6, dan jika negara pengeksport ialah Negara Anggota ATT, maka ia diperlukan untuk melakukan penilaian lebih

lanjut di bawah Perkara 7 atas risiko bahawa senjata atau barang itu "boleh digunakan untuk melakukan atau memudahkan" pelanggaran serius terhadap IHL atau undang-undang hak asasi manusia antarabangsa; suatu tindakan yang menjadi suatu kesalahan di bawah konvensyen atau protokol antarabangsa yang berkaitan dengan keganasan yang mana Negara Anggota menjadi pengeksport; atau suatu tindakan yang menjadi suatu kesalahan di bawah konvensyen atau protokol antarabangsa yang berkaitan dengan jenayah terancang melintas sempadan negara yang mana negara pengeksportnya adalah Negara Anggota. Jika Negara pengeksport menentukan bahawa ada 'risiko utama' daripada sebarang akibat negatif dalam Perkara 7 (1), maka negara tersebut tidak boleh membenarkan eksport dan negara pengimpor tidak akan dapat mengimport senjata atau barang yang dicari. Tidak ada perbezaan sama ada negara pengimpor ialah Negara Anggota ATT atau bukan negara pengeksport, sebagai Negara Anggota ATT, diminta untuk menolak eksport tersebut jika penilaian eksport tersebut mengenal pasti sesuatu 'risiko utama', *tanpa mengira siapa pengimport atau pengguna akhir*.

Ringkasnya, ATT dapat mempengaruhi kemampuan sesuatu negara untuk mengimport senjata konvensional jika ditentukan bahawa senjata tersebut akan atau mungkin digunakan dengan cara tertentu oleh negara pengimpor atau pengguna akhir. Tetapi hal ini lebih berkaitan dengan apakah negara pengeksport ialah Negara Anggota ATT dan diperlukan untuk menerima pakai peruntukan Perkara 6 dan 7 daripada apakah negara *pengimport* ialah Negara Anggota dalam Perjanjian.

## **6.6 Apakah peranan Organisasi Masyarakat Sivil dalam pelaksanaan perjanjian?**

Masyarakat civil secara aktif terlibat dalam pencegahan dan pelaksanaan ATT. Organisasi masyarakat civil terus menyokong kegiatan yang disasarkan di peringkat negara dan serantau untuk mendukung pencegahan. Dengan objektif bagi memberikan sokongan bersasar dan perkongsian maklumat serta tekanan orang ramai untuk mempertahankan keutamaan politik Perjanjian. Kegiatan masyarakat civil merangkumi:

- Menyediakan kepakaran dan nasihat teknikal kepada pemerintah yang ingin meratifikasi atau menyetujui Perjanjian, termasuk bahan sumber, panduan, alat dan bahan kempen untuk membantu menyokong tanda tangan dan pengesahan.
- Mengembangkan sumber-sumber polisi dalam bidang-bidang kawalan senjata tertentu, seperti mengurangkan penyelewengan kepada keganasan, dan hubungan dengan instrumen lain.
- Menyokong dan menganjurkan seminar atau persidangan serantau kepada pegawai, pakar dan NGO yang relevan dengan memberi fokus kepada bantuan teknikal dan sokongan untuk pelaksanaan Perjanjian yang berkesan.
- Membangunkan jaringan penyelidik dan akademik yang memberi sokongan kepada proses perundangan dan pelaksanaan Perjanjian.
- Menyokong aktiviti peningkatan kesedaran bagi menggalakkan masyarakat untuk terlibat secara lebih aktif dalam menyeru ke arah penerimaan negara dan pelaksanaan yang berkesan.
- Memantau pelaksanaan dan kepatuhan Negara-Negara Anggota terhadap kewajipan mereka berdasarkan Perjanjian.

\*\*\*